

SYARIKAT PRASARANA NEGARA BERHAD

(No. Syarikat: 467220-U)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

Syarikat Prasarana Negara Berhad ("Prasarana") adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudahkan, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya adalah pemilik aset dan pengendali kepada beberapa perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Kelang antaranya LRT Laluan Ampang, Laluan Kelana Jaya, sistem KL Monorel, rangkaian bas di Lembah Kelang dan Pulau Pinang dan juga perkhidmatan kereta kabel Langkawi. Aset terbaru Prasarana adalah Transit Aliran Massa Lembah Kelang (KVMRT) yang menjadi tulang belakang kepada perkhidmatan rel di Lembah Kelang. Projek ini adalah untuk memenuhi keperluan Rakyat dengan menyediakan perkhidmatan awam berintegrasi yang akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia di samping menjana ekonomi dan meningkatkan produktiviti Rakyat.

Kerajaan telah melantik Prasarana sebagai Pemilik MRT dan MMC GAMUDA KVMRT (PDP) SDN BHD sebagai 'Project Delivery Partner' ("PDP") yang bertanggungjawab melaksana dan menyiapkan sistem MRT yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG: JAJARAN SUNGAI BULOH - KAJANG."

Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran kerja bagi Pakej-pakej Kontrak Kerja (seperti tersenarai di bawah) perlu menyerahkan Dokumen Tender yang telah dilengkapkan sepenuhnya.

KENYATAAN TENDER

NO. TENDER	TAJUK TENDER	PENDAFTARAN & KELAYAKAN KONTRAKTOR	TEMPAT & TARIKH MULA PENJUALAN DOKUMEN TENDER	HARGA SENAKAH DOKUMEN TENDER, BORANG PEMBAYARAN & PEMBAYARAN KEPADA	TEMPAT SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER
PRASARANA/CPD/KVMRT/E/SBG-N/197/301/2011	'SUPPLY AND DELIVERY OF SEGMENTAL BOX GIRDERS (SBG) FOR PROPOSED PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG : JAJARAN SUNGAI BULOH - KAJANG' (SEKSYEN UTARA)	Pengeluar Produk Konkrit Pratuang	Jabatan Pengurusan Perolehan MRT d/o Jabatan Perolehan Pusat, Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RapidKL) No. 1, Jalan PJU 1A/46, Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301 Petaling Jaya.	RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) (tidak dipulangkan) dalam bentuk Postal Order atau Bank Draft / Banker's Cheque pembayaran kepada Syarikat Prasarana Negara Berhad	Jabatan Pengurusan Perolehan MRT d/o Jabatan Perolehan Pusat, Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RapidKL) No. 1, Jalan PJU 1A/46, Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301 Petaling Jaya.
PRASARANA/CPD/KVMRT/E/SBG-S/198/303/2011	'SUPPLY AND DELIVERY OF SEGMENTAL BOX GIRDERS (SBG) FOR PROPOSED PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG : JAJARAN SUNGAI BULOH - KAJANG' (SEKSYEN SELATAN)		sehingga 9 September 2011 9.00 pagi hingga 5.00 petang (Semasa waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat KECUALI hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum)	RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) (tidak dipulangkan) dalam bentuk Postal Order atau Bank Draft / Banker's Cheque pembayaran kepada Syarikat Prasarana Negara Berhad	Pada 20 September 2011 12.00 tengahari

- Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal atau pengeluar-pengeluar produk konkrit pratuang tempatan yang mempunyai pengalaman berkaitan dan dibenarkan untuk membuat tawaran buat masa ini.
- Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pemohon adalah dinasihatkan untuk meneliti Dokumen Tender sebelum membuat pembelian.
- Dokumen Tender hanya dijual kepada wakil para pemohon yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil dari penender **DIWAJIBKAN** membawa surat pengesahan sebagai wakil dari pemohon bersama siji **ASAL** Pendaftaran yang berkaitan yang masih sah tempohnya berserta **SALINAN** siji yang telah disahkan / "Certified True Copy" (disahkan oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A) bagi proses pembelian Dokumen Tender.
- Penender adalah diingatkan bahawa salinan siji yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dim JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
- Prasarana** adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan dan semua urusan berkaitan proses ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar ke alamat yang tersebut di atas.
- Sebarang pertanyaan mengenai Pra-kelayakan di atas boleh diajukan kepada **Jabatan Pengurusan Perolehan MRT, Prasarana** di talian 03-2299 1999 sambungan 1417 atau emel kepada kvmrt-procurement@prasarana.com.my. Maklumat lanjut mengenai Prasarana boleh diperolehi di laman web kami www.prasarana.com.my.